

# Pelan lima tahun langkah terbaik erat hubungan kaum

BH-11/12/2006

**K**UALA LUMPUR: Masyarakat Malaysia perlu menjadikan Rukun Negara sebagai panduan untuk menghayati nasihat Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalulail supaya rakyat dan pemimpin memupuk serta memelihara kesinambungan perpaduan dan keharmonian kaum.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Maximus Ongkili, berkata nasihat baginda kena pada masanya sebagai pemangkin kepada usaha kerajaan mengeratkan hubungan antara kaum, terutama di kalangan generasi muda.

"Baru-baru ini, Kabinet meluluskan Pelan Bertindak Perpaduan dan Integrasi Kebangsaan yang menggariskan strategi memperkukuhkan perpaduan masyarakat, sekali gus memperkasakan asas ke arah pembentukan Bangsa Malaysia.

"Pelan lima tahun ini akan menyelaraskan kerjasama semua rakyat tanpa mengira bangsa atau agama untuk menjayakan program yang dirancang kerajaan dengan mengutamakan pembabitkan segenap lapisan masyarakat," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau juga yakin keupayaan Rukun Negara menyatupadukan rakyat pelbagai kaum dan agama serta membolehkan prinsip asas kepada kenegaraan dipupuk dalam sanubari generasi muda yang akan menjadi pemimpin negara pada masa depan.

Dalam titahnya pada Majlis Santapan Negara malam kelmarin, baginda mengajak pemimpin dan rakyat memupuk, memelihara dan mengeratkan perpaduan antara satu sama lain.

Baginda yang akan menamatkan tempoh perkhidmatan sebagai Yang di-Pertuan Agong esok bertitah, semua pihak akan bersetuju bahawa kunci utama kejayaan dan kemajuan yang dikecapi selama ini disebabkan rakyat pelbagai kaum dan agama dapat hidup bersama dalam suasana aman dan harmoni.

Pakar sejarah, Profesor Datuk Dr Khoo Kay Kim pula menyifatkan nasihat baginda sebagai pembuka mata bahawa kini setiap kaum terlalu mengutamakan kepentingan sendiri sehingga mewujudkan jurang perkauman yang ketara.

"Kini, banyak kegiatan tidak mengutamakan faktor perpaduan, manakala sekolah dan universiti seolah-olah tidak mengendahkan ke-

pentingan perpaduan di institusi masing-masing.

"Parti politik pula sering menjadi punca perpecahan dalam keghairahan menjaga kepentingan politik. Sering kali dalam kempen politik, pelbagai perspektif buruk terhadap kaum lain dibangkitkan," katanya.

Beliau berpendapat sebahagian besar generasi muda bersikap sambil lewa terhadap keharmonian dan perpaduan sedangkan ia adalah tanggungjawab setiap rakyat bagi mempertahankan dan menggalakkan perpaduan kaum sebagai rencah penting kestabilan dan kejayaan negara.

Sementara itu, ahli Panel Penasihat Perpaduan Negara, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata saranan ahli politik supaya perayaan kaum dan agama disambut bersama seperti Deeparaya dan Kongsiraya hanya bersifat luaran dan belum cukup untuk membentuk perpaduan kaum.

"Yang di-Pertuan Agong diterima segenap lapisan masyarakat tanpa mengira agama, bangsa atau budaya dan sebagai institusi kepeimpinan terunggul negara, nasihat serta teguran baginda perlu kita patuhi.

"Pada masa sama, kegiatan seperti Rukun Tetangga (RT) wajar diberi perhatian khusus dan dimantapkan kerana mampu menyatupadukan serta memupuk semangat kerjasama kaum bagi menjaga kesejahteraan.

"Sudah tiba masanya elemen perpaduan diberi kajian menyeluruh. Semua kaum perlu memahami bahawa perpaduan ialah isu terpenting yang patut ditangani bersama," katanya.

Lee menegaskan, seluruh rakyat Malaysia menerima Perlembagaan Persekutuan yang menjamin hak semua kumpulan etnik.

Katanya, Rukun Negara bertujuan mewujudkan persefahaman terhadap aspirasi nasional pelbagai masyarakat tanpa mengira kaum dan agama.

**“**Nasihat baginda kena pada masanya sebagai pemangkin usaha mengeratkan perpaduan”

**Dr Maximus Ongkili**  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri